

BAB II

TINJAUAN BAHAN-BAHAN BERTULIS

Daripada tinjauan bahan-bahan bertulis, ada banyak kajian mengenai dasar luar era Dr. Mahathir¹. Pada amnya terdapat juga kajian-kajian yang telah dibuat mengenai *pengaruh faktor kepimpinan ke atas dasar tersebut yang berkaitan dengan aplikasinya dalam pengurusan hubungan Malaysia-Singapura*. Hubungan kedua negara tersebut telah mengalami perubahan setelah Dr. Mahathir dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1981. Dalam hubungan ini Lee Poh Ping ada membuat satu analisis mengenai hubungan kedua negara di bawah empat orang perdana menteri Malaysia. Mengikut beliau gaya Dr. Mahathir yang berterus terang merupakan faktor penting menjadikan hubungan Malaysia-Singapura mencapai tahap 'normal'. Gaya Dr. Mahathir lebih menyerupai gaya Lee Kuan Yew berbanding dengan perdana menteri Malaysia sebelum Dr. Mahathir. Kedua-duanya suka berterus terang tanpa mementingkan '*verbal niceties and subtle gestures*' dalam mendekati isu-isu kepentingan bersama. Kedua-duanya juga dikatakan '*go-getting, efficiency-oriented*' types who will not suffer fools gladly nor allow tradition and other obstacles to get in the way of their goals.' Oleh itu Dr. Mahathir tidak menganggap gaya Singapura sebagai kasar. Lee Kuan Yew juga percaya beliau boleh melakukan kerja "*on the same wavelength*" dengan Dr. Mahathir. Ringkasnya skop untuk kedua-dua pemimpin itu untuk berbeza pendapat dapat diminimumkan².

¹ Antara kajian tersebut lihat Murugesu Pathmanathan dan David Lazarus, *Winds Of Change: The Mahathir Impact on Malaysia's Foreign Policy* (Kuala Lumpur: Eastview Productions Sdn.Bhd.,1984), David Camroux, *Looking East and Inwards: Internal Factors In Malaysian Foreign Relations During The Mahathir Era, 1981-1994*, (Queensland:Centre For The Study Of Australia-Asia Relations ,1994) dan Chamil Wariya, *Dasar Luar Era Mahathir*,(Petaling Jaya:Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.,1989).

² Lee Poh Ping, "Malaysia-Singapore Relations: A Malaysian Perspective", dalam Azizah Kassim dan Lau Teik Soon(ed), *Malaysia and Singapore: Problems and Prospects*,(Singapore:Singapore Institute of International Affairs,1992), ms. 223.

Seterusnya Chin Kin Wah juga menyatakan hubungan bilateral dua negara telah memasuki fasa kerjasama untuk faedah bersama yang baru. Beliau menyenaraikan lapan faktor yang mempengaruhi hubungan Malaysia -Singapura. Pertamanya ialah perbezaan saiz, keadaan geopolitik dan komposisi kaum, menyebabkan Singapura dianggap sebagai “Cuba”, “Israel kedua” dan negara “China yang ketiga”. Keadaan itu seterusnya menyebabkan kedua-dua negara mempunyai perbezaan perspektif terhadap kepentingan strategik dan keabsahan penglibatan kuasa-kuasa besar terutamanya Amerika Syarikat di rantau Asia Tenggara.

Kedua oleh kerana kedudukan geografinya yang menyebabkan kedua negara saling bergantung dalam aspek keselamatan di mana Malaysia-Singapura berada dalam satu “*security complex*”.

Ketiga keselamatan ekonomi dan kemakmuran yang dinikmati oleh kedua negara saling bergantung di antara satu sama lain. Ini kerana kedua-dua negara merupakan rakan dagangan yang utama. Selain dari itu terdapat banyak pelaburan Singapura di negeri Johor.

Keempat kedudukan geografi yang berdekatan dan hubungan persaudaraan yang terdapat di antara rakyat Malaysia dan Singapura menyebabkan timbul masalah khusus di antara kedua negara dari masa ke semasa. Pihak media Singapura antara lain menyatakan sebahagian dari masalah kedua negara timbul ekoran daripada tindakan ahli politik Malaysia yang berpendapat mereka mempunyai hak untuk campurtangan ke atas politik dalaman Singapura khususnya yang berkaitan dengan isu kaum Melayu Singapura.

Kelima kedua-dua negara akan kekal mengamalkan dua sistem politik dalam budaya politik yang berbeda. Malaysia dikatakan lebih pluralistik sifatnya, mempunyai sistem politik persekutuan yang mana wujud pusat “*centre*” dan

"periphery". Oleh itu dalam menangani politik yang terdiri dari politik campuran "coalition", *faction* secara *intra-party* yang pada dasarnya melibatkan pelbagai pusat kuasa, maka isu-isu sensitif yang melibatkan Singapura pasti timbul dari masa ke semasa. Sebaliknya Singapura lebih "unitary" sifatnya dan negara itu lebih berkemampuan untuk mengambil pendekatan "managerial" terhadap demokrasi dan membentuk konsensus kebangsaan.

Keenam ada kaitan di antara politik dalam negeri dan hubungan luar di antara kedua negara. Contohnya Parti Semangat 46 dan Parti Rakyat Malaysia menggunakan isu-isu peningkatan kos hidup di Johor Baru, kemasukan ramai rakyat Singapura ke Johor, pembelian hartanah oleh rakyat Singapura di Johor dan pembinaan tambak yang kedua yang didakwa lebih menguntungkan Singapura. Apabila Semangat 46 kalah maka Lee Kuan Yew meluahkan rasa kegembiraan beliau kerana parti tersebut mengalami kekalahan.

Ketujuh kedua-dua negara masih dalam proses pembinaan negara. Oleh itu ulasan dari pihak Malaysia atau Singapura mengenai hal ehwal dalam negeri dua tetangga itu dianggap sebagai campurtangan atau pencerobohan dari satu-satu pihak ke atas pihak yang lain. Isu-isu yang telah terjadi ialah peristiwa Sungai Melayu di mana bot tentera Singapura memasuki perairan Malaysia, pencerobohan helikopter tentera Singapura di Johor, lawatan Presiden Israel ke Singapura dan tuntutan Pulau Batu Putih.

Perkara asas yang terakhir sekali ialah pengaruh-pengaruh luar seperti dari kuasa-kuasa serantau dan kuasa-kuasa besar. Walau bagaimanapun oleh kerana faktor ekonomi merupakan faktor yang utama dalam menentukan keselamatan negara terutamanya selepas Perang Dingin maka aspek **saling bergantung-interdependence** antara negara adalah sangat penting kepada kedua-dua negara.³

³ Chin Kin Wah, "The Management of Interdependence and Change Within a Special Relationship", dalam Azizah Kassim dan Lau Teik Soon, Op. Cit., m.s. 232-239.

Seorang lagi pengkaji Philippe Regnier menyatakan bahawa dengan lawatan Dr. Mahathir ke Singapura pada akhir tahun 1981 maka beliau telah memulakan satu tahap perdamaian yang penuh dinamisma dalam hubungan dua negara. Dr. Mahathir yang memulakan langkah baru terhadap Lee Kuan Yew dan ianya diikuti pula oleh pembantu kedua-dua pemimpin tersebut. Dua faktor yang memungkinkan perkembangan positif itu ialah kerana kedua-dua pemimpin itu mempunyai gaya politik "*political style*" yang sama dan keduanya ada pertumpuan "*convergence*" strategi dalam dasar domestik.⁴ Persamaan itu berkaitan dengan kesungguhan kedua-dua pemimpin berusaha untuk memajukan ekonomi negara. Dalam mencapai matlamat tersebut kedua-duanya mengambil pendekatan yang keras terhadap suara-suara bangkangan yang bertentangan dengan arus perdana negara. Dalam lain perkataan sekumpulan golongan yang *dissent* akan diberi layanan yang agak keras.

Sementara itu Chan Heng Chee pula berpendapat hubungan Malaysia - Singapura bertambah baik di mana di bawah pimpinan Dr. Mahathir hubungan dua hala dikatakan telah memasuki tahap baru. Ini kerana kedua-dua negara mengakui bahawa Singapura yang kecewa akan menyebabkan ketidakstabilan di Malaysia dan ketidakpuasan hati di Malaysia akan memberi kesan kepada Singapura.⁵ Selanjutnya dikatakan perbezaan dasar-dasar dalam negeri di antara kedua negara telah menyebabkan imej Malaysia secara relatif tidak begitu baik disebabkan terdapat '*fragility as a multiethnic nation*' berbanding dengan Singapura yang dianggap sebagai contoh negara yang mempunyai '*astute forward economic planning*'. Keadaan yang sedemikian ditambah pula oleh faktor-faktor pengalaman sejarah yang pahit, kedudukan geografi yang berdekatan, interaksi sosial dan ekonomi yang rapat

⁴ Philippe Regnier, *Singapore- City State in Southeast Asia*, (Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed and Co., 1992), m.s. 158-160.

⁵ Di petik dalam Chan Heng Chee, "Asean: Subregional Resilience", dalam James W. Morley , *Security Interdependence in The Asia Pacific Region*, (Lexington: D. C. Heath and Co., 1986), m.s. 132.

di antara kedua negara menjadikan hubungan kedua negara ini amat sukar.⁶

Selanjutnya Micheal Leifer dalam *Asean and The Security of Southeast Asia*, menimbulkan satu analisis yang baik berkaitan dengan isu tekanan oleh Malaysia ke atas dasar luar sebuah negara anggota Asean iaitu Singapura ekoran daripada isu lawatan Presiden Israel Chaim Herzog ke negara tersebut pada tahun 1986. Dalam hubungan ini beliau menegaskan pembentukan ASEAN pada 8 Ogos 1967 adalah berasaskan kepada pengiktirafan oleh pengasasnya bahawa pertelingkahan dan konflik antara negara-negara di rantau ini adalah amat merugikan. Walau bagaimanapun dalam tahun 1986 ekoran lawatan Presiden Israel Chaim Herzog ke Singapura hubungan antara Malaysia- Singapura telah mengalami pergeseran. Walaupun dalam rukun pemuafakatan ASEAN negara-negara anggota tidak mempunyai hak untuk membantah atau mencampuri hal-ehwal dalam negeri anggota yang lain, tetapi pada kali ini perkara sebaliknya telah berlaku. Pelbagai pihak di Malaysia, terutamanya golongan yang menentang kepimpinan Dr. Mahathir mengambil kesempatan ini untuk menunjukkan semangat nasionalismenya dengan mengutuk dan mendesak agar tindakan ke atas Singapura diambil. Walau pun pada awalnya Dr. Mahathir tidak ingin campurtangan dalam hal ini namun demi menjaga kedudukannya beliau terpaksa melakukan bantahan diplomatik secara formal ke atas perlakuan tetangga Malaysia itu berasaskan bantahan yang meluas dari dalam negeri.⁷ Walau bagaimanapun Dr. Mahathir semasa merasmikan perhimpunan agung MCA selepas peristiwa tersebut, beliau menegaskan peristiwa lawatan Presiden Israel tidak akan memberi kesan buruk dalam hubungan dua hala Malaysia-Singapura.⁸

⁶ Chandran Jeshurun, "Southeast Asia In Malaysian Foreign Policy: Some Likely Trends Towards 2020" dalam Abdul Razak Abdullah Baginda dan Rohana Mahmood(ed), *Malaysia's Defence and Foreign Policies*, (Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1995), m.s. 58-59.

⁷ Micheal Leifer, *ASEAN and The Security of Souteast Asia*, (London: Routledge, 1989), m.s. 144-147.

⁸ Shanti Nair, *Islam In Malaysian Foreign Policy*, (London: Routledge, 1997,)m.s. 228.

Datuk Abdullah Ahmad Badawi dalam menganalisis hubungan Malaysia Singapura menyatakan ia amat bergantung kepada cara kita mengurus hubungan tersebut. Ini kerana hubungan itu berpotensi untuk memberi beban dan pada masa yang sama ia juga boleh membawa kepada kesenangan kepada kedua-dua negara.⁹ Beliau selanjutnya menjelaskan bahawa semuanya bergantung kepada kaedah mengurus oleh pemimpin di antara kedua negara. Datuk Abdullah juga mengakui pada masa ini persefahaman di antara Dr. Mahathir Mohamad dan Lee Kuan Yew telah bertambah baik.¹⁰ Walau bagaimanapun beliau tidak menjelaskan kenapa persefahaman di antara kedua pemimpin itu bertambah baik.

Sementara itu Bilveer Singh menegaskan Singapura yang dianggap sebagai 'entiti Cina' dalam 'alam Melayu' akan terus menerus menjadi punca kesangsian dan pergeseran di antara dua tetangga. Beliau selanjutnya menambah Lee Kuan Yew pernah menggambarkan bahawa Malaysia adalah sebagai ancaman kepada Singapura. Hakikat ini berdasarkan dua kenyataan Lee Kuan Yew iaitu ancaman terbesar Singapura datangnya daripada seseorang yang lebih besar daripada kita dan satu lagi kenyataan Lee Kuan Yew ialah "*your neighbours are not your best friends wherever you are.*"¹¹

Seterusnya Bilveer Singh mengakui bahawa ada sedikit masalah dalam hubungan Malaysia -Singapura di antara tahun 1985-1987 disebabkan beberapa keputusan dasar dalam negeri Singapura yang kontroversial. Beliau menyenaraikan lima keputusan dasar tersebut iaitu Kempen Bercakap Mandarin, penekanan ke atas ajaran-ajaran Konfusius, menggalakkan orang-orang Cina supaya melahirkan lebih

⁹ Datuk Abdullah Ahmad Badawi, "*Malaysia-Singapore Relations*, (Singapore: Institute of Policy studies, 1990), m.s. 9

¹⁰ Ibid. m.s. 28.

¹¹ Bilveer Singh, "Singapore's Management of Its Security Problems", dalam *Asia Pacific Community*, summer 1985.

ramai anak, mempersoalkan kesetiaan orang-orang Melayu Singapura dan lawatan Presiden Israel Ke Singapura. Akibatnya Malaysia menuduh Singapura sebagai “*de facto* China Ketiga” dan “Israel kedua”.¹² Namun Bilveer Singh menghujahkan era hubungan Malaysia-Singapura yang lebih stabil bermula dengan kemenangan Dr. Mahathir Mohamad dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO pada bulan April 1987.¹³

Selanjutnya M. Ganesan dalam menghuraikan hubungan Malaysia- Singapura menjelaskan terdapat empat faktor yang penting sekali dalam menentukan hubungan Singapura- Malaysia iaitu kedudukan geografi, pengalaman sejarah serta sensitiviti bangsa dan ugama. Kedudukan Singapura di tengah alam Melayu dan pernah disingkirkan dari Malaysia kerana wujud perbezaan dalam pendekatan pembinaan negara terus mempengaruhi pemikiran pemerintah Singapura terhadap keselamatannya. Isu ugama dan bangsa juga sangat sensitif di mana peristiwa lawatan Presiden Israel ke Singapura dan isu diskriminasi terhadap orang-orang Melayu yang tidak dibenarkan menjawat jawatan yang lebih tinggi dalam angkatan tentera khasnya tentera udara Singapura telah menimbulkan ketegangan di antara kedua negara. Dalam hubungan ini faktor kepimpinan penting kerana ia boleh menjadikan atau menggunakan empat faktor di atas sebagai *peluang* atau *batasan* dalam hubungan bilateral di antara kedua negara. Personaliti pemimpin sangat penting di dalam menentukan hubungan dua negara kerana dalam budaya politik Asia di dapati masyarakat memandang tinggi terhadap pemimpin.¹⁴

Walau bagaimanapun Tim Huxley berpendapat semenjak pertengahan tahun 80an Singapura kerap menunjukkan sikapnya yang membelakangkan sensitiviti

¹² Bilveer Singh, *Singapore: Foreign Policy Imperatives of a Small States*, (Singapore: Heinemann Publishers Asia Pte. Ltd, 1988), m.s. 27-28.

¹³ *Ibid.* m.s. 29.

¹⁴ N. Ganesan, “Factors Affecting Singapore’s Foreign Policy Towards Malaysia”, *Australian Journal of International Affairs*, Vol. 45 No. 2 November 91.

Malaysia. Pemerhatian itu adalah berasaskan tindakan Singapura menjemput Presiden Israel melawat Singapura, pencerobohan bot penyerang tentera Singapura di selatan Johor, mensyaratkan kereta Singapura mengisi minyak separuh tangki sebelum memasuki Malaysia, dan isu perisikan oleh Singapura di Malaysia.¹⁵

Mutiah Alagappa menghujahkan bahawa iklim politik dalam hubungan Malaysia-Singapura bertambah baik apabila Dr. Mahathir mula mengambalalih kuasa pada tahun 1981. Perubahan itu berlaku kerana beliau *tidak menggunakan asas emosi tetapi sebaliknya ialah menerima hakikat bahawa kedua negara bertetangga itu adalah berdaulat*. Namun Alagappa berpendapat pergeseran yang berkala dalam hubungan kedua negara akan terus berlaku. Ini kerana struktur kedua-dua negara yang mana Malaysia mempunyai penduduk majoritinya terdiri dari orang-orang Melayu dan minoritinya kaum Cina manakala sebaliknya pula Singapura mempunyai majoriti kaum Cina dan minoritinya kaum Melayu boleh menimbulkan pertentangan akibat perasaan syak wasangka dan perasaan yang tidak senang hati wujud di antara kedua negara.¹⁶

Mengikut Lau Teik Soon dan Suzaina Abdul Kadir¹⁷ hubungan Malaysia Singapura adalah rumit dan istimewa. Mereka menyenaraikan tiga batasan utama dalam hubungan dua hala yang terdiri dari pertamanya sensitiviti bangsa dan ugama, kedua pengalaman sejarah yang pahit serta yang terakhir iaitu pertelingkahan berkaitan dengan sempadan negara. Walau bagaimanapun kedua-dua pengkaji

¹⁵ Tim Huxley, "Singapore and Malaysia: A Precarious Balance ?", " dalam *The Pacific Review*, Vol. 4, No. 3.

¹⁶ Mutiah Alagappa, "International Security in Southeast Asia: Growing Saliency of Regional and domestic Dynamics dalam, Jagjit Singh and Thomas Bernauer (ed), *Security of the Third World Countries* (Aldershot: United Nations Institute for Disarmament Research, 1993), m.s. 133.

¹⁷ Lau Teik Soon dan Suzaina Abdul Kadir, "Singapore's Foreign Relations", dalam Linda Low and Toh Mun Heng, (ed), *Public Policies in Singapore- Changes in the 1980s and Future Signposts*, (Singapore: Times Academic Press, 1992), m.s. 80-81.

tersebut mengakui keselamatan dalam dan luar Singapura amat berkait rapat dengan Malaysia.

Akhir sekali M. G. G. Pillai berpendapat Singapura adalah sebuah negara yang sombong terhadap jiran-jiran Melayunya. Pendapat beliau itu adalah berasaskan kepada beberapa perlakuan Singapura terhadap Malaysia sejak akhir-akhir ini. Pillai menyenaraikan empat bukti kesombongan tetangga Malaysia iaitu pertamanya memaksa Malaysia keluar meninggalkan pengkalan tentera laut di Woodlands dengan cara menaikkan sewa yang berganda-ganda, kedua mengadu kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia -*World Trade Organization- WTO* apabila Malaysia menyekat import hasil plastik dari Singapura tanpa berunding terlebih dahulu dengan Kuala Lumpur, ketiga berusaha mengambil balik stesen Keretapi Tanah Melayu dan keempat menuntut sebuah pulau kepunyaan Malaysia iaitu Pulau Batu Putih.¹⁸ Dalam menangani empat isu di atas didapati Malaysia mengambil pendekatan yang lembut dan pragmatik di mana demi untuk menjaga atau mengekalkan hubungan yang baik Malaysia telah meninggalkan pengkalan tentera laut Woodlands. Malaysia juga tidak mahu menggunakan fakta sejarah untuk menuntut Pulau Batu Putih dengan alasan jika menggunakan fakta sejarah maka bukan sahaja pulau itu menjadi kepunyaan Malaysia malah Singapura itu pada keseluruhannya adalah sebahagian dari Malaysia. Untuk itu isu tuntutan bertindih Pulau Batu Putih akan dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa-*ICJ* di The Hague. Isu import plastik diselesaikan di luar WTO manakala isu stesen Keretapi Tanah Melayu di Singapura masih belum selesai.

¹⁸ *Bangkok Post*, 14 april 1995.

Kesimpulan

Pada kesimpulannya daripada kajian yang ditinjau tidak terdapat kajian yang mendalam mengenai pengaruh *idiosyncrasy* Dr. Mahathir khasnya dalam menganalisis terhadap cara-cara beliau menangani isu-isu hubungan Malaysia - Singapura 1981-1997. Namun pada keseluruhannya dapatlah dikatakan Dr. Mahathir telah berjaya memberi imej baru kepada dasar luar Malaysia dan mengubah Malaysia dari '*an insecure inexperienced state to an effective and pragmatic actor.*'¹⁹ Bagi tempoh 1981-1997 hubungan Malaysia-Singapura telah menempuh pelbagai isu seperti yang diulaskan oleh empat belas pengkaji atau penulis iaitu Micheal Leifer, Chan Heng Chee, Philippe Regnier, Mutiah Alagappa, Chin Kin Wah, Tim Huxley, Chandran Jeshurun, Bilveer Singh, Lau Teik Soon dan Suzaina Abdul Kadir, M. Ganesan, Lee Poh Ping, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan M. G. G. Pillai. Namun berasaskan tinjauan penulis ke atas kajian-kajian yang lalu seperti di atas, didapati Dr. Mahathir Mohamad telah dapat menguruskan masalah dalam hubungan tersebut ke tahap yang secara relatif telah bertambah baik.

Oleh kerana politik antarabangsa itu sendiri berkisar di antara dua keadaan iaitu **konflik** dan **kerjasama** di antara negara, maka kredibiliti untuk memainkan peranan utama di peringkat antarabangsa dengan berkesan bergantung kepada situasi dalam negeri, maka kestabilan politik dan keselamatan dalam negeri haruslah diutamakan.²⁰ Dalam hubungan ini dapatlah dikatakan Dr. Mahathir mempunyai agenda besar untuk negara ini supaya tidak dihina dan diketawakan oleh negara-negara lain. Dalam usaha untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan

¹⁹ Donald G. Mc Cloud, *Southeast Asia Tradition and Modernity in the Contemporary World*, (Boulder: Westview Press, 1995), m.s. 242-243.

²⁰ Md. Hussin Nayan, "Strategi barat Dalam Politik International Pasca Perang dingain: Perancangan Malaysia dalam Menanganinya", dalam Alauiah Sikom (ed), *Malaysia dan Politik antarabangsa*, (Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda, 1996), m.s. 18.

negara-negara maju, beliau telah menunjukkan sikap yang luar biasa dengan menganggap masalah dua hala Malaysia-Singapura samada dalam aspek politik, ekonomi dan sosial yang timbul adalah kecil atau kurang signifikan. Ini kerana dalam menguruskan hubungan Malaysia-Singapura, Malaysia era Dr. Mahathir berkeyakinan bahawa segala tindakan haruslah berpaksikan kepada sikap kesederhanaan kerana dengan itu Malaysia akan memperolehi faedah ekonomi khususnya pelaburan dari Singapura bagi membantu pertumbuhan ekonomi serta kestabilan politik negara pada amnya. Ini kerana tanpa kestabilan politik dalam negeri maka agenda besar atau wawasan beliau untuk bangsa Melayu dan negara Malaysia sukar direalisasikan.

Tidak keterlaluan jika dikatakan kestabilan politik, pembangunan dan kesihatan ekonomi serta keadilan sosial Malaysia juga banyak bergantung kepada tahap hubungan dua hala Malaysia-Singapura. Hubungan itu yang tentunya memberikan **peluang** dan **halangan** kepada usaha Dr. Mahathir ketika beliau memimpin Malaysia untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Pada keseluruhannya dapatlah dikatakan Dr. Mahathir sebagai pemimpin Malaysia telah berjaya *menguruskan peluang-peluang yang wujud dan mengatasi halangan yang ada dan yang diadakan oleh pihak Singapura* dalam hubungan Malaysia-Singapura *untuk kepentingan politik beliau khasnya dan negara Malaysia pada amnya.*